

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI JOHOR)

TARIKH: 3 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 34

## *Penduduk trauma banjir lumpur*

**BATU PAHAT-** Penduduk di Kampung Mat Noor dekat sini trauma selepas kejadian banjir lumpur yang mengakibatkan kerosakan barangan rumah.

Mereka mendakwa kejadian itu berpunca daripada pembangunan yang sedang dilakukan di kawasan Bukit Payung, ditambah hujan lebat berterusan.

Mangsa, Siti Nur Anifeasila Tukaman, 33, berkata, dia sekeluarga tidak tidur malam kerana membersihkan rumah yang dipenuhi lumpur.

"Rumah saya hanya satu kilometer sahaja dari kawasan pembangunan itu. Sekejap sahaja air melimpah. Saya hanya sempat menyelamatkan kucing dan mengambil tilam saja," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Dia dan suami, Haliet Jamhari, 35, menyelamatkan diri dengan duduk di anjung rumah sambil menanti banjir surut pada jam 7 petang.

Bagaimanapun katanya, lumpur tebal sehingga buku lali menyebabkan keadaan rumahnya berbau dan beberapa barang rosak.



Keadaan rumah Siti Nur Anifeasila di Kampung Mat Noor ketika banjir lumpur berlaku petang kelmarin.

"Sebagai penduduk, kami tidak pernah menolak pembangunan tetapi selepas berlaku banjir lumpur kali ini kami cukup sedih dan minta pertimbangan serius dilakukan bagi cadangan projek tapak pelupusan di Bukit Payung," katanya.

Dianggarkan kira-kira 40 keluarga di kawasan Parit Sulong di sini terjejas selain turut membabitkan enam kampung lain iaitu Kampung Parit Betong, Parit Abdul Rahman, Parit Abdul Hadi, Parit Ju, Kampung Kangkar Merlimau dan Kampung Mohd Noor.



Barang-barang di dalam rumah tidak dapat diselamatkan ketika banjir lumpur berlaku petang kelmarin.